

Alumni UPM Juarai Bola Sepak Amal Alumni 4 Asnaf



Pasukan Alumni UPM dan pasukan Hot fm/ Kool fm bersama merealisasikan program Amal Alumni 4 Asnaf.

Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan program Amal Alumni 4 Asnaf bersama rakan radio Hot FM/ Kool FM hari ini.

Sukan Sinar dan Kampus Uols Sinar Harian telah dipilih sebagai rakan media untuk program ini.

Perlawanan bola sepak yang berlangsung di Stadium Mini UPM di antara pasukan pilihan Alumni UPM dan Hot fm serta Kool fm bertujuan mengumpul dana tabung kebajikan pelajar sebanyak RM10 juta merupakan satu inisiatif Pusat Alumni UPM yang diberikan mandat oleh universiti bagi merealisasikan hasrat dan impian UPM.

Tetamu khas, Menteri Besar Selangor, YB Amirudin Shari turut hadir bagi menandatangani bola serta menyepak bola sebagai acara simbolik sebelum perlawanan bermula.

Pusat Alumni sentiasa komited dalam merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti serta program yang melibatkan alumni khususnya bagi mengekalkan jalinan hubungan sepanjang hayat yang konsisten di antara Alumni dan Alma mater sebagai pusat yang bertanggungjawab menjalankan program bagi merapatkan hubungan para alumni dan universiti sejajar dengan matlamat putra global (PG200).

Selain perlawanan Bola Sepak Amal UPM Alumni 4 Asnaf, Pusat Alumni juga



YB Amirudin menandatangani bola sebagai gimik perlawanan.

menganjurkan Klinik Bola Sepak bagi bertujuan berkongsi ilmu dan teknik dengan pakar bola sepak.

Artis yang hadir pada program Alumni tersebut adalah Tomok, Black, dan Akim serta penyampai radio Haziq dan Amar Hot Fm yang terlibat dalam perlawanan amal bola sepak menentang pasukan pilihan Alumni UPM.

Pada perlawanan ini, pasukan Alumni UPM telah menjuarai pertandingan ini menerusi tendangan penalti (2-1) selepas kedua-dua pasukan terikat seri 4-4.